

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PETRONAS GAS BERHAD ( PGB ) KERTIIR  
KEMAMAN

OLEH  
NORMALA BT A BAKAR  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2004

1100045525

Clu: 5257

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang  
Nor malia bt . A . Bakar -  
Judul Latihan Industri di  
permonas gas - - -

No. Panggilan  
L7 16  
FRE 1  
2004

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

ANR SEPADU SDN. BHD.

B8857 SIMPANG TIGA PAK TUYU, MENGABANG TELIPOT  
21030 K TERENGGANU. TEL/FAX 09-6694906

Ch: 5251

1100045525 Keluwer

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 16 FPE 1 2004



1100045525

Laporan akhir latihan industri di Petronas Gas Berhad (PGB)

Kertih Kemaman / Normala A Bakar.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045525

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PETRONAS GAS BERHAD (PGB), KERTIH, KEMAMAN.**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NORMALA BT A.BAKAR**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:

**Jabatan Ekologi Dan Sosial**  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
**(KUSTEM)**

**2004**

**1100045525**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Normala Binti A Bakar, UK 7653 mengaku bahawa laporan latihan industri bagi kursus SOS 4229 yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### Tandatangan

.....

Nama: NORMALA BT A BAKAR

Tarikh: 21 OCTOBER 2004

Disahkan oleh: .....

Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
KUSTEM

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah Kehadrat Ilahi kerana dengan Limpah dan KurniaNya dapat pelatih menyiapkan kertas laporan akhir latihan industri dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

Pelatih bersyukur kerana dapat menamatkan latihan industri di Bahagian Operasi Loji (POD), Petronas Gas Berhad, Kerteh, Terengganu selama 12 minggu. Sepanjang menjalani latihan industri di POD, pelatih dapat menimba pelbagai pengalaman yang berharga. Pelatih juga mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di KUSTEM seperti teori dan teknik pengurusan dan juga pentadbiran. Pelatih juga berasa bertuah kerana dapat menjalani latihan industri di Petronas Gas Berhad, ini kerana ianya sebuah syarikat awam berhad yang bertaraf antarabangsa. Ini memberi cabaran yang begitu besar kepada pelatih.

Pertama sekali, pelatih ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Salleh Bin Lebar selaku penyelia pelatih sepanjang menjalani latihan industri hingga kepada laporan akhir latihan tersebut. Beliau banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan untuk laporan ini siap dengan jayanya.

Sekalung budi dan terima kasih kepada Encik Ahmad Nawawi Sharani yang bertanggungjawab dalam pengambilan pelatih menjalani latihan industri di Petronas Gas Berhad dan ribuan terima kasih juga kepada Ketua Eksekutif Perancangan Dan

Pembangunan Sumber Manusia iaitu Encik Gani Abdullah selaku penyelia pelatih sepanjang berada di Bahagian Operasi Loji (POD), Petronas Gas Berhad. Beliau banyak memberi kerjasama, sokongan dan juga dorongan kepada pelatih. Terima kasih juga kepada semua kakitangan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia kerana banyak memberi tunjuk ajar dan juga maklumat yang berkaitan dengan Petronas Gas Berhad.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa, adik beradik, rakan-rakan kerana memberi sokongan moral, dan juga semangat kepada pelatih semasa pelatih menjalani latihan industri sehinggalah kepada penulisan akhir laporan ini.

Dengan akhir kata jutaan terima kasih kepada pihak Petronas Gas Berhad dan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia juga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
PENGESAHAN PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI RINGKASAN PERKATAAN	vii
SENARAI RAJAH	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix
<b>BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latar belakang Organisasi	2
1.1.2 Polisi Perniagaan Organisasi	3
1.1.3 Visi	6
1.1.4 Misi	6
1.1.5 Kualiti	6
1.1.6 Nilai Bersama	7
1.1.7 Pendekatan Organisasi	8
1.1.8 Tumpuan Organisasi	10
1.2 Maklumat Organisasi	12
1.2.1 Lembaga Pengarah	12
1.2.2 Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah	13
1.2.3 Jawatankuasa Pengurusan	13
1.2.4 JuruAudit	14
1.2.5 Setiausaha	14

1.2.6	Bank Utama	14
1.3	Alamat Organisasi	14
1.3.1	Alamat Cawangan	14
1.3.2	Struktur Organisasi PGB	18
1.3.3	Struktur Organisasi POD	21
1.3.4	Struktur Organisasi HRM	23
1.4	Aktiviti Organisasi	24
1.5	Matlamat Yang Dicapai	25
1.5.1	Membuat Carta Organisasi	25
1.5.2	Update Nama Kakitangan Dan Ahli Keluarga	26
1.5.3	Mengira Overtime	27
1.5.4	Aktiviti Sampingan	27

## **BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH**

2.1	Mengesan Sistem Sediada	29
2.1.1	E-Boss	29
2.1.2	Hris	30
2.1.3.	Sap	30
2.2	Masalah	30
2.2.1	Pengurusan Tidak Cekap	30
2.2.2	Sistem Keselamatan Kurang Ketat	31
2.2.3	Komputer Rosak	31
2.2.4	Cara Berkomunikasi Yang Salah	32

2.2.5	Mesin Perakam Waktu	32
2.2.6	Pembahagian Kerja Tidak Seimbang	33
2.3	Cadangan	34
2.3.1	Pengurusan Kerja Yang Sistematik	34
2.3.2	Ciri-ciri Keselamatan Yang Lengkap	35
2.3.3	Komputer Baru Atau Notebook	35
2.3.4	Teknik Berkommunikasi	36
2.3.5	Sistem Ibu Jari	36
2.3.6	Kerja Yang Konsisten	37
2.4	Penemuan	38
2.4.1	Kualiti	38
2.4.2	Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar	39
2.4.3	Pengurusan Sumber Manusia	41
2.5	Analisis Sistem Kerja	42
2.5.1	Arahan Dari Pihak Atasan Kepada pihak Bawahan	42
2.5.2	Sistem Berkomputer	43
2.5.3	Menggunakan Pas Keselamatan	43
2.5.4.	Menggunakan Memo Atau E-mel	44
2.6	Analisis Masalah Dan Perbincangan	44
2.7	Kejayaan Dan Anugerah	47
<b>BAB 3:</b>	<b>PENUTUP</b>	48
<b>RUJUKAN</b>		
<b>LAMPIRAN</b>		

## **SENARAI RINGKASAN PERKATAAN**

PGB :	Petronas Gas Berhad
POD :	Bahagian Operasi Loji
CUF :	Kemudahan Utiliti Berpusat
TOD :	Bahagian Operasi Penyaluran
CCS :	Perkhidmatan Korporat Dan Komersil
TFOD :	Pembangunan Kemudahan Dan teknikal
FIN :	Kewangan
HRM :	Pengurusan Sumber Manusia
JKPSS :	Juta Kaki Padu Standard Sehari
HSE :	Kesihatan, keselamatan, Alam Sekitar
ROSPA:	Royal Society For The Prevention Of Accidents
MSOSH:	Persatuan Keselamatan Kerja Dan kesihatan Pekerjaan Malaysia
E-BOS :	Sistem Operasi Pemiagaan Elektronik
E-ESS :	Skim Cadangan Kakitangan
CIPTA:	Peningkatan Berterusan Menjana Pencapaian Menyeluruh
OL :	Pembelajaran Organisasi
QCP :	Proses Budaya Kualiti

## **SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1: Struktur Organisasi Petronas Gas Berhad	17
Rajah 2: Struktur Organisasi Bahagian Operasi Loji	20
Rajah 3: Struktur Organisasi Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	22

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan akhir latihan industri adalah hasil menjalani latihan praktikal selama 12 minggu di Bahagian Operasi Loji (POD), Petronas Gas Berhad, Kerteh, Terengganu. Latihan ini, adalah memenuhi sebahagian daripada syarat memperoleh ijazah Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial. Terhasilnya laporan akhir latihan industri ini menandakan pelatih telah memenuhi syarat universiti bagi subjek SOS 4299 dan mencapai objektif yang dikehendaki.

Secara keseluruhannya, buku laporan akhir latihan industri ini mempunyai tiga bab. Pelatih akan menerangkan secara ringkas bagi setiap bab tersebut. Dalam bab satu, pelatih telah menerangkan mengenai latarbelakang organisasi tempat menjalani latihan industri termasuk visi, misi, polisi perniagaan, kualiti, nilai bersama, pendekatan dan juga tumpuan operasi syarikat. Selain itu, pelatih turut menyenaraikan nama lembaga pengarah dan juga ahli-ahli jawatankuasa pengurusan, audit, setiausaha dan usahasama bank-bank utama. Dalam bab ini pelatih turut menyertakan alamat organisasi serta carta organisasi Petronas Gas Berhad, Bahagian Operasi Loji (POD) dan juga Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Seterusnya pelatih turut menyentuh mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Petronas Gas Berhad dan juga aktiviti yang dilakukan oleh pelatih sepanjang berada di Bahagian Operasi Loji (POD), Petronas Gas Berhad.

Dalam bab dua pula ialah berkisar mengenai penemuan dan pengenalpastian masalah. Sepanjang menjalani latihan industri di Bahagian Operasi Loji (POD), pelatih dapat mengesan tiga sistem yang digunakan iaitu Sistem Operasi Perniagaan Elektronik (e-bos), Human Resources Intergrated (HRIS) dan Sistem Application Product (SAP). Pelatih juga membincangkan mengenai beberapa masalah yang dikenalpasti beserta cadangan bagi memperbaiki kepada keadaan yang lebih baik. Selain itu, pelatih juga menganalisis beberapa sistem kerja dan masalah. Pelatih turut menerangkan beberapa penemuan juga kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi Petronas Gas Berhad sepanjang menjalankan operasinya.

Dalam bab yang ketiga iaitu bab yang terakhir, penulis membuat rumusan secara keseluruhan dengan melakarkan pengharapan dan mencadangkan sesuatu pembaharuan terhadap latihan industri dan pendekatan yang perlu diambil untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Pelatih turut menyatakan kesyukuran kerana latihan industri banyak memberi pendedahan dan pengalaman yang berharga kepada pelatih selain ianya dapat membantu pelatih apabila menamatkan pengajian pelatih nanti.